

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO' SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS KEMPEN MENGUMPUL SUMBANGAN/  
PELANCARAN PRODUK MAPLE GINSENG  
DI HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR  
PADA HARI SABTU, 27 MEI 2000  
JAM 9.00 PAGI**

---

Syukur kita ke-hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul bagi menyeri dan menjayakan Kempen Mengumpul Sumbangan dan Pelancaran Produk Maple Ginseng.

2. Saya berasa amat terharu mendengar tentang segala kejayaan yang telah dicapai oleh atlit-atlit paralimpik negara, semangat pengorbanan yang ditunjukkan oleh pegawai serta sukarelawan; dan juga segala usaha murni pihak Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) bagi membela nasib golongan kurang upaya di dalam masyarakat kita. Dengan itu, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta syabas kepada Encik Zainal Abu Zarin bagi pihak MPM atas segala usaha murni pihak MPM bagi menjayakan matlamat penubuhannya. Syabas dan tahniah juga kepada badan tersebut serta kepada Jeneral (Bersara) Tan Sri Dato' Seri Ismail Haji Omar bagi pihak Syarikat Maple Ginseng Sdn. Bhd. atas kejayaan kedua-dua pihak menjalinkan kerjasama yang bertenaga bagi merealisasikan matlamat yang sangat murni, iaitu menjayakan majlis hari ini.

3. Sesungguhnya, golongan kurang upaya merupakan satu golongan masyarakat kita yang istimewa. Walaupun mempunyai kekurangan pada diri mereka, mereka telah dapat membuktikan bahawa sebenarnya mereka merupakan golongan yang cukup berbakat, berpotensi dan berupaya dalam pelbagai aspek seperti sukan. Maka adalah wajar golongan tersebut diberi perhatian, pembelaan serta sokongan oleh semua lapisan masyarakat kita. Ini adalah bagi memastikan mereka tidak tersisih daripada masyarakat dan tertinggal dalam arus pembangunan negara, usaha hendaklah sentiasa dicari bagi memastikan bahawa selain dapat berdikari mereka juga terus mampu menyumbang ke arah kecemerlangan bangsa, agama dan negara. Berteraskan pendirian tersebut dan atas keyakinan sepenuh bahawa rakyat negara ini sememangnya prihatin dan bersikap penyayang, saya mengambil kesempatan ini untuk meminta sokongan padu daripada semua pihak - swasta mahupun Kerajaan, kumpulan mahupun individu, agar turut membantu bersungguh-sungguh dan dalam apa juga bentuk agar hasrat kita untuk melihat golongan istimewa ini berjaya, dalam erti kata yang sebenarnya,

tercapai sepenuhnya. Kebajikan golongan kurang upaya ini adalah tanggungjawab semua pihak sebagai anggota masyarakat yang penyayang.

4. Akhir kata, sekali lagi saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Paralimpik Malaysia, Syarikat Maple Ginseng Sdn. Bhd. malah kepada semua yang telah dan akan menyumbang bagi memastikan golongan yang cukup istimewa ini terbela sentiasa. Ingatlah bahawa susah mereka susah kita; kejayaan mereka adalah kejayaan kita jua. Selamat menderma dan Selamat Maju Jaya.

\*\*\*\*\*